

**TEKS UCAPAN MENTERI KERJA RAYA
YB DATO' SRI FADILLAH YUSOF
DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KALORI
DI R&R LEBUH RAYA MALAYSIA DI KAWASAN REHAT & RAWAT,
SEREMBAN (ARAH SELATAN)
PADA JAM 11.30 PAGI 2 FEBRUARI 2016**

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera Salam Satu Malaysia

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Kesihatan Malaysia

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya
Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk Dr Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

YBhg. Datuk Dr Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Mohd. Shafiq bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan

YBrs. Encik Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

Dif-dif kehormat,, wakil-wakil media, wakil-wakil syarikat konsesi, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kepada Jawatankuasa Penganjur, yang terdiri daripada gabungan pihak kerajaan dan swasta, iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat PLUS Malaysia Berhad yang telah sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan secara bersama dengan Menteri Kesihatan Malaysia, Kempen Kesedaran Kalori di Kawasan Rehat & Rawat Lebuhraya Malaysia. Sesungguhnya program ini adalah satu program yang memberi kesedaran kepada rakyat sekalian mengenai kesihatan mereka dan secara tidak langsung mengajak rakyat untuk memberikan perhatian dan tumpuan kepada aspek pemakanan mereka.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Aspek pemakanan merupakan faktor penting dalam kesihatan kita semua. Pemakanan yang seimbang secara amnya dapat mengelakkan diri kita daripada pelbagai jenis penyakit, antaranya penyakit *diabetics*, tekanan darah tinggi, dan sebagainya. Rakyat yang sihat secara tidak langsung akan membolehkan institusi kekeluargaan bertambah sejahtera dan pada masa yang sama menjamin produktiviti yang tinggi. Akhirnya rakyat dan negara akan mendapat pelbagai manfaat sekiranya aspek kesihatan ini sentiasa diutamakan.

3. Seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, terdapat 52 kawasan Rehat & Rawat atau lebih dikenali sebagai R&R yang disediakan di beberapa lebuhraya adalah untuk keselesaan para

pengguna lebuah raya. Pelbagai kemudahan disediakan di R&R, antaranya gerai makanan dan minuman, surau dan tandas. Dengan kata lain, R&R telah memberikan pelbagai manfaat kepada para pengguna lebuah raya, termasuk juga kepada komuniti tempatan di mana mereka juga telah diberikan peluang perniagaan di R&R terbabit. Di samping itu, produk-produk tempatan juga dijual di R&R di mana ia secara tidak langsung telah membantu komuniti-komuniti tempatan untuk meningkatkan pendapatan mereka. Selain itu, harga barang-barang yang dijual di R&R juga dipantau sepenuhnya oleh syarikat-syarikat konsesi lebuah raya yang berkaitan untuk memastikan ianya adalah berpatutan dan tidak membebankan para pengunjung R&R.

4. Aspek kebersihan di kawasan R&R memang diberi penekanan khusus oleh syarikat-syarikat konsesi lebuah raya yang berkaitan. Syarikat-syarikat konsesi tersebut memantau dan menilai tahap kebersihan di gerai-gerai R&R secara harian (*daily basis*) di mana sebarang ketidakpatuhan kepada aspek kebersihan diambil tindakan yang sewajarnya. Pemantauan dan penilaian secara berterusan adalah selaras dengan polisi *zero-tolerance* Kementerian ini kepada ketidakpatuhan kepada aspek-aspek kebersihan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Penganjuran Program Kesedaran Kalori Di R&R dan Lebuhraya di Malaysia adalah satu kerjasama strategik antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Kementerian ini pernah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam program-program lain sebelum ini, antaranya Kempen Anti-Denggi; Bersih, Sihat dan Selamat (BeSS),

Kempen Anti-Merokok dan sebagainya. Kerjasama strategik ini akan diteruskan dari semasa ke semasa melalui penganjuran pelbagai program lain untuk kebaikan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

6. Sebagai salah satu usaha untuk menyokong program kesedaran kalori ini, paparan slogan “Kawal Kalori, Cegah Obesiti dan “*Watch Your Weight, Watch Your Calories*” telah pun dipaparkan di *Variable Message System* (VMS) di lebuhraya-lebuhraya di Malaysia. Selain ini, sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa syarikat-syarikat konsesi lebuhraya komited untuk turut serta dalam program ini dengan memaparkan maklumat mengenai kandungan kalori makanan dan minuman di semua R&R di bawah seliaan masing-masing berdasarkan maklumat yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengkoordinasi pelaksanaan perkara ini di semua R&R. Diharapkan melalui inisiatif-inisiatif ini, para pengunjung R&R akan mempunyai informasi kalori sebelum memilih makanan dan minuman mereka. Ianya merupakan satu langkah proaktif untuk mendidik dan melatih rakyat untuk memberikan keutamaan terhadap kesihatan mereka.

Hadirin sekalian

7. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kepada kepada Jawatankuasa Penganjur kerana menganjurkan program seumpama ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih

